

Laman Mikro
BERNAMAPerbankan &
Kewangan

Automotif

Penerbangan

Maritim

Pendidikan



BERNAMA

UTAMA

AM

POLITIK

EKONOMI

SUKAN

RENCANA

DUNIA

| Laman Utama Am | Senarai Berita | Berita Negeri | 1Malaysia |

Warna:

BERNAMA.COM

am » berita

18 Oktober, 2010 15:44 PM

Industri Maritim Negara Kekurangan Pelaut Tempatan - Abdul Rahim

PELABUHAN KLANG, 18 Okt (Bernama) -- Industri maritim di negara ini memerlukan lebih ramai pelaut tempatan terlatih dari kalangan generasi muda, kata Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Abdul Rahim Bakri, Isnin.

Katanya pada masa ini, sebanyak 45 peratus atau 15,000 daripada 35,000 pelaut yang berdaftar dalam industri maritim negara adalah warga asing.

Katanya, kekurangan itu disebabkan generasi muda di negara ini kurang berminat menceburi kerjaya dalam industri maritim.

Masalah ini perlu diatasi bagi mengelak kebergantungan kepada pelaut warga asing khususnya dari Indonesia dan Filipina, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan Hari Maritim Sedunia 2010 peringkat kebangsaan di sini.

Abdul Rahim menggesa golongan muda yang masih belum mendapat pekerjaan tetapi memiliki kelayakan perlu menceburi bidang maritim bagi mengisi kekosongan tersebut.

Katanya bidang maritim pada masa kini menghadapi kekurangan tenaga kerja dalam empat jawatan utama iaitu Kapten, Ketua Jurutera, Jurutera Kedua dan Pegawai Perkapalan.

Beliau berkata sektor maritim dilihat sebagai sektor terpenting dalam industri pengangkutan kerana sebanyak 96 peratus daripada urusan penghantaran barangan eksport dan import melalui kontena di seluruh dunia dikendalikan oleh syarikat perkapalan.

Terdahulu itu, dalam ucapannya, Abdul Rahim berkata kementerian dan Jabatan Laut Malaysia telah mengambil pelbagai inisiatif bagi menggalakkan penyertaan golongan belia dalam kerjaya sebagai pelaut.

Antara usaha tersebut termasuk menganjurkan taklimat kerjaya dan latihan seperti kursus 'Domestic Mate' Terhad dan pembangunan Sistem Dokumen Pelaut (SDPX) bagi merekodkan pendaftaran pelaut tempatan.

Beliau juga berkata Akademi Laut Malaysia (ALAM) berhasrat menawarkan beberapa kursus baru dalam bidang maritim untuk keperluan sektor luar

Berita-berita Lain


Anggota Tentera Dan Rakan D
Dipercayai Aktif Edar Dadah

14 Pertuduhan Rasuah: Bekas
Timbalan KP Imigresen Diperinta
Diri

Satu Lagi Projek Perumahan R
Diwujudkan Di Perlis

Isu Loji Air: Penyelesaian
Perundangan Langkah Terakhir,
Peter Chin

Kira-Kira 20 Gerai Dalam Pasa
Kit Musnah Dalam Kebakaran



pesisir dan latihan untuk kapal tangki kimia bagi menarik minat golongan belia.

-- BERNAMA

***Kami menyediakan langganan
berita melalui perkhidmatan NewsWire.***

[Kembali](#) [Ke Atas](#)

Utama | Am | Politik | Ekonomi | Sukan | Rencana | Dunia | Senarai Berita | Arkib Berita | Suapan RSS | Facebook BERNAMA | Media Relations & Event Management (MREM) | BERNAMA Library Infolink Service (BLIS) | BERNAMA Media | Perkhidmatan Foto BERNAMA | BERNAMA

© 2010 BERNAMA. Semua Hak Cipta Terpelihara. [Penafian](#) | [Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#)
Bahan ini tidak boleh diulang terbit, ulang siar, tulis kembali atau diulang edar melainkan dengan kebenaran bertulis dari BERNAMA. Paparan terbaik menggunakan Firefox 3.0 & Internet Explorer 7.0 dalam resolusi 1024 x 768 piksel